



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) 2024



KDNK Malaysia
Pada harga malar 2025

5.1%

RM1,650.3b

Bukan PMKS

4.7%

RM997.9b



PMKS

5.8%

RM652.4b

Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK PMKS Malaysia pada
Harga Malar 2015



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PMKS

Prestasi PMKS kepada KDNK

39.5% 5.8% | 4.9%




Sumbangan




Pertanian

2.5% | 0.8%




Pembinaan

17.3% | 5.8%



Perkhidmatan

5.7% | 6.5%



Pembuatan

5.0% | 1.5%



Perlombongan & pengkuarian

3.8% | 4.4%

GUNA TENAGA PMKS



Prestasi PMKS kepada Guna Tenaga

48.7% 3.1% | 3.5%



Perkhidmatan

Sumbangan:

50.8%

4.0% | 4.5%



Pembuatan

Sumbangan:

46.2%

2.7% | 2.4%



Pembinaan

Sumbangan:

48.1%

0.4% | 0.9%



Pertanian

Sumbangan:

42.3%

0.6% | 1.0%



Perlombongan & pengkuarian

Sumbangan:

28.0%

1.8% | 0.1%

Nota:

- Sumbangan
- Perubahan peratusan tahunan
- b merujuk kepada bilion
- Tahun 2024 | 2023

Prestasi PMKS kepada
Eksport

14.3%

31.3% | 3.0%



EKSPORT PMKS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN



Pembuatan

Sumbangan:

62.0%

7.9% | -0.7%



Perkhidmatan

Sumbangan:

36.2%

114.8% | 16.4%



Pertanian


Sumbangan:

1.8%

-4.9% | 12.7%

Sumber: Akaun Negara, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nilai Ditambah dan Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia pada Harga Malar 2015, 2016 – 2024



KDNK Malaysia

KDNK PMKS

Sumbangan
KDNK PMKS
kepada KDNK
Malaysia



KDNK PMKS berkembang 5.8 peratus, menyumbang 39.5 peratus kepada ekonomi Malaysia pada 2024

- **KDNK PMKS Malaysia** bertumbuh 5.8 peratus pada tahun 2024, menyumbang nilai ditambah sebanyak RM652.4 bilion atau 39.5 peratus daripada KDNK Malaysia. PMKS mencatatkan pertumbuhan sedikit tinggi berbanding pertumbuhan keseluruhan KDNK Malaysia iaitu 5.1 peratus pada tahun 2024.
- Perkembangan ini disokong oleh prestasi yang stabil dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang merangkumi 84.7 peratus daripada KDNK PMKS. Ini diikuti oleh sektor Pertanian (8.7%), Pembinaan (5.0%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.5%). Dari segi prestasi sektoral, sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus pada tahun 2024 (2023: 6.5%), disokong oleh peningkatan dalam Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan; dan Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan.
- **Eksport PMKS** pada tahun 2024 berjumlah RM196.8 bilion, merekodkan pertumbuhan 31.3 peratus (2023: 3.0%). Peningkatan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing meningkat sebanyak 114.8 peratus (2023: 16.4%) dan 7.9 peratus (2023: -0.7%). Eksport PMKS menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2024, merangkumi sektor Pembuatan (8.8%), diikuti Perkhidmatan (5.2%) dan Pertanian (0.3%).
- Eksport PMKS bagi sektor Pembuatan meningkat kepada RM122.0 bilion pada tahun 2024 (2023: RM113.1 billion). Pelbagai barang keluaran kilang, jentera & kelengkapan pengangkutan dan barang-barang keluaran kilang merupakan pamacu utama sektor ini, menyumbang 60.3 peratus pada tahun 2024.
- **Guna tenaga PMKS** terus mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan iaitu 3.1 peratus (2023: 3.5%), untuk merekodkan sejumlah 8.10 juta orang (2023: 7.86 juta orang). Sehubungan itu, sumbangan guna tenaga PMKS kepada guna tenaga Malaysia pada tahun 2024 adalah 48.7 peratus, meningkat 0.2 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 48.5%). Mengikut aktiviti ekonomi, guna tenaga PMKS bagi sektor Pertanian menyumbang 42.3 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini, menunjukkan peningkatan marginal 0.6 peratus kepada 800 ribu orang pada tahun 2024.
- **Produktiviti buruh PMKS** yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 2.6 peratus untuk mencatatkan nilai produktiviti sebanyak RM80,507 per pekerja (2023: RM78,475 per pekerja). Semua sektor menunjukkan peningkatan dalam produktiviti buruh, dengan pertumbuhan tertinggi produktiviti buruh PMKS direkodkan oleh sektor Pembinaan (16.8%), diikuti Pembuatan (2.2%), Perlombongan & pengkuarian (2.0%), Pertanian (1.9%) dan Perkhidmatan (1.6%).

